

Sungai Sekamat penuh sampah



Sementara itu, ketua kampung berkenaan, Ahmad Shukor Mawi berkata, sebuah tong khas disediakan di hujung kampung sebagai tempat membuang sampah, tetapi tidak dimanfaatkan sepenuhnya oleh mereka yang terabit.

“Sebaliknya, mereka (penduduk dan peniaga) lebih suka mengambil jalan mudah dengan membuangnya ke sungai.

“Namun begitu, jawatan kuasa kampung tidak berputus asa dan terus berusaha mengambil pendekatan menyelesaikan masalah berkenaan,” katanya.

Katanya, hanya sikap positif penduduk sahaja boleh mengubah tabiat buruk berkenaan, seterusnya tidak mengulangi lagi perbuatan itu demi kesejahteraan kampung.

kan sikap dan mentaliti rendah serta tidak menjaga kebersihan.

Katanya, dia sedih melihat keadaan sungai berkenaan yang menjadi tempat pembuangan sampah dan perkara itu tidak sepatutnya terjadi.

“Saya berharap jawatan kuasa kampung mengambil langkah efisien supaya masalah ini diatasi,” katanya.

FAKTA
Penduduk, peniaga tak bertanggungjawab buang sampah waktu malam

penduduk dan peniaga berhampiran.

Kedudukan sungai yang bersebelahan dengan Masjid Sungai Sekamat membolehkan sampah-sarap itu dilihat terus dari rumah ibadat berkenaan.

Tinjauan Metroplus mendapati ada banyak sampah-sarap di sepanjang sungai berkenaan dan difahamkan bahan itu akan hanyut ke muara yang dibawa arus deras setiap kali hujan lebat.

Penduduk, Razman Malik, 43, berkata, masalah itu tidak berkesudahan kerana masih berlaku meskipun jawatankuasa kampung mengambil beberapa langkah penyelesaian, tetapi tidak berjaya.

“Sampah ini dibuang penduduk dan peniaga berhampiran pada waktu malam bagi mengelak perbuatan mereka dilihat orang lain.

“Jika pada musim durian, kita boleh lihat banyak kulit

buah-buahan ini dibuang ke dalam sungai. Begitu juga dengan kulit kelapa muda dipercayai dibuang peniaga berhampiran,” katanya.

Katanya, perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu memalukan dan sekali gus mencemarkan imej kampung berkenaan yang terletak di jalan utama.

Penduduk, Muriayti Ahmad, 34, berkata, mereka yang membuang sampah merata-rata itu menunjuk-

SAMPAH-sarap (gambar bulat) di Sungai Sekamat dapat dilihat dari tingkap masjid.

Masalah berlarutan lebih 10 tahun kerana sikap tak bertanggungjawab

Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Kajang

Bukan sahaja airnya keruh, tetapi juga ada banyak sampah-sarap mencatitkan pemandangan.

Itulah keadaan Sungai Sekamat sejak lebih 10 tahun lalu angkara perbuatan tidak bertanggungjawab segelintir